

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 10 MEI 2015 (AHAD)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	440,000 lulusan bidang teknikal bakal digelar Ahli Teknologi	Berita Harian
2	440,000 graduan terima gelaran Ahli Teknologi	Metro Ahad
3	3,827 jenayah siber direkod Januari-April	Mingguan Malaysia
4	Priority in tackling cost of living	New Sunday Times
5	Pasar raya khas belia	Metro Ahad
6	Tambah baik dasar tangani kos sara hidup	Berita Harian

**KERATAN AKHBAR TEMPATAN
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 27
TARIKH: 10 MEI 2015 (AHAD)**



Abu Bakar (kiri) menandatangani plak sebagai simbolik perasmian MYCA 2015 di UTM, Skudai, semalam.

[FOTO REDZUAN MUHARAM/BH]

440,000 lulusan bidang teknikal bakal digelar Ahli Teknologi

Johor Bahru: Kira-kira 440,000 lulusan bidang teknikal dan kejuruteraan dari lima institusi pengajian tinggi (IPT) yang tidak diiktiraf Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) sebelum ini, bakal menerima gelaran Ahli Teknologi (TS).

Ia susulan Rang Undang-Undang Teknologi dan Juruteknik 2014 diluluskan pada 2 April lalu yang membolehkan graduan mendapat pengiktirafan sebagai profesional seperti jurutera menggunakan gelaran Ir.

Timbalan Menteri Sains dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah, berkenaan ialah Universiti Teknikal Malaysia (UTEM) Melaka, Universiti Malaysia PAhang (UMP), Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UHTM) dan Universiti Kuala Lumpur (UniKL) yang berdepan jalanan sukar dalam kerjaya kerana tiada pengiktirafan LJM.

"Akta itu membolehkan peranan graduan sebagai TS diiktiraf kerana turut memberi sumbangan besar kepada negara"

**Abu Bakar
Mohamad Diah,
Timbalan Menteri
Sains dan Inovasi**

Tidak diiktiraf

"Sebelum ini, mereka tidak diiktiraf sebagai golongan profesional sedangkan mempunyai kemahiran dan kepakaran dalam pelbagai aspek termasuk pemeriksaan produk."

"Menerusi akta ini, kepakaran graduan diiktiraf menerusi gelaran TS seperti gelaran Ir yang digunakan jurutera," katanya selepas program Malaysian Youth Civilian Assembly (MYCA) 2015 di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai, semalam.

Mengenai penganjuran MYCA 2015, Abu Bakar berkata, program bakal menjadi platform perkongsian pendapat dan pengalaman antara penuntut UTM dan ahli panel terbabit.

**KERATAN AKHBAR TEMPATAN
METRO AHAD (SETEMPAT) : MUKA SURAT 26
TARIKH: 10 MEI 2015 (AHAD)**

440,000 graduan terima gelaran Ahli Teknologi

Johor Bahru: Kira-kira 440,000 graduan bidang teknikal dan kejuruteraan dari empat universiti awam (UA) dan sebuah institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) menerima gelaran Ahli Teknologi (TS) selepas Rang Undang-Undang Teknologi dan Juruteknik 2014 diluluskan pada 2 April lalu.

Timbalan Menteri Sains dan Inovasi Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata, mereka adalah lulusan dari beberapa universiti yang berdepan kesukaran dalam kerjaya sebelum ini kerana tidak diiktiraf Lembaga Jurutera Malaysia (LJM).

Katanya, antaranya institusi pengajian itu termasuk Universiti Teknikal Malaysia (UTEM) Melaka, Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Universiti Kuala Lumpur (UniKL).

“Kewujudan akta itu amat penting bagi memperakui peranan mereka sebagai ahli teknologi yang turut memberi sumbangan besar kepada negara,” katanya pada sidang media selepas menghadiri program Malaysian Youth Civilian Assembly (MYCA) 2015 di Dewan Sultan Iskandar Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai, di sini, semalam.

Hadir sama Setiausaha Persatuan Kontraktor Malaysia Datuk

Wira Jamaludin Abdul Rahim, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Mahasiswa dan Alumni UTM Prof Dr Ismail Abd Aziz dan Pengarah MYCA 2015 Muhammad Mustaqim Mohd Tarmizi.

“Sebelum ini, mereka tidak diiktiraf sebagai golongan profesional dan bertaullah sedangkan mempunyai kepakaran dalam pemerkasaan produk dan sebagainya.

“Menerusi akta berkenaan, graduan terbabit mendapat gelaran TS bagi memperakui kepakaran mereka seperti gelaran Ir yang digunakan oleh jurutera,” katanya.

Sementara itu, Abu Bakar menyambut baik penganjuran MYCA 2015 yang dilihat sebagai platform perkongsian pendapat dan pengalaman antara penuntut UTM dan ahli panel terbabit.

“Seperti yang kita sedia maklum, kejuruteraan awam adalah salah satu bidang yang merangkumi pelbagai aspek berhubung rapat dengan dunia kejuruteraan.

“Justeru, saya berharap supaya pelajar dapat mendedahkan diri dengan program seperti ini sebelum berdepan dunia luar yang jauh lebih mencabar,” katanya.

Menurutnya, beliau percaya program ini dapat mendekatkan diri pelajar dengan masyarakat luar, sekali gus meningkatkan keyakinan mereka untuk berdepan cabaran dalam lapangan diceburi nanti.

**KERATAN AKHBAR TEMPATAN
MINGGUAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 20
TARIKH: 10 MEI 2015 (AHAD)**

3,827 jenayah siber direkod Januari-April

Oleh NURSURAYA ZULKIFLI

pengarang@utusan.com.my

■ MELAKA 9 MEI

SEBANYAK 3,827 kes jenayah siber direkodkan dalam tempoh empat bulan pertama tahun ini membabitkan pelbagai kesalahan termasuk pembulian dan penipuan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohd. Diah berkata, jumlah tersebut ternyata amat membimbangkan dan perlu dibendung sebelum masalah berkenaan semakin meruncing.

Menurutnya, pada Januari lalu, kes jenayah siber yang dicatatkan adalah sebanyak 836 kes diikuti Februari (1,271 kes), Mac (802 kes)

dan April (918 kes).

"Antara jenayah siber yang berlaku adalah membabitkan pembulian iaitu sebanyak 51 kes manakala penipuan pula 313 kes dan spam 434 kes.

"Kita dapat punca berlakunya peningkatan jenayah siber kerana pengguna siber yang tidak bertanggungjawab beranggapan mereka tidak dikawal di alam maya dan sebab itu boleh bertindak sesuka hati," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menutup Program Perkampungan Sains Melaka 2015 di Planetarium Ayer Keroh di sini kelmarin.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Seri Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur dan Pengurus Planetarium Melaka Sdn. Bhd., Datuk Dr. Ahmad Zaini Mohd.

Amin.

Abu Bakar berkata, pengguna siber yang melakukan kesalahan itu juga beranggapan mereka tidak diperhati sedangkan pemantauan sentiasa dijalankan bagi melihat setiap aktiviti di alam siber ini.

"Untuk itu, saya menasihatkan pengguna siber supaya tidak berkongsi serta mendedahkan maklumat peribadi dengan sewenang-wenangnya di laman sosial kerana boleh mendatangkan masalah kepada mereka di kemudian hari," katanya.

Dalam pada itu, Abu Bakar berkata, kementeriannya mengambil inisiatif bagi membendung masalah berkenaan melalui CyberSecurity Malaysia untuk memberi pemahaman kepada pengguna khususnya pelajar.



ABU BAKAR MOHAMAD DIAH (dua dari kanan) menyampaikan sijil kepada wakil dari sebuah sekolah yang mengambil bahagian dalam Perkampungan Sains Melaka di Planetarium Melaka, Ayer Keroh, Melaka, kelmarin. - MINGGUAN/NURSURAYA

KERATAN AKHBAR TEMPATAN
NEW SUNDAY TIMES (NEWS) : MUKA SURAT 3
TARIKH: 10 MEI 2015 (AHAD)

Priority in tackling cost of living

COMMITTED: Govt to ensure livelihood of Malaysians taken care of, says Najib

HANA NAZ HARUN
BANGI
news@nst.com.my

In efforts to tackle the rising cost of living, the government is committed to continue implementing and improving measures, ensuring the livelihood of Malaysians are taken care of.

Prime Minister Datuk Seri Najib Razak said several measures had been introduced, including providing access to quality education, health services and building affordable homes.

"The (issue of) cost of living is the main concern in every family, hence, we are committed to address this through continued policies and measures which would help the people."

"Maybe (the measures) are not complete, but there have been many efforts (by the government) that are known and many that are not known. Some are direct; some are indirect," he said, before officiating the Roundtable Discussion on the Rising Cost of Living at Universiti Kebangsaan Malaysia here yesterday.

Najib said the government had ensured that all Malaysians had access to quality education, assuring that the democratisation of education would be continued to create an intellectual society.

The government, he said, placed high importance on education and, on average, bore 90 per cent of the cost of public higher education in



Prime Minister Datuk Seri Najib Razak with participants of the Roundtable Discussion on the Rising Cost of Living at Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, yesterday. With him are Deputy Science, Technology and Innovation Minister Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah (fourth from right) and Malaysian Young Thinkers Youth Organisation president Mohd Rafiq Naizamohideen (second from right). Pic by Khairull Azry Bidin

the country.

"Students pay about 10 per cent, and if they could not afford it, we also provide the PTPTN (National Higher Education Fund Corporation loans) and scholarships."

"In our country, the democratisation of education or access to quality education is of importance. Believe that we will continue such policies to develop our nation and to open more doors for students."

Najib said Malaysia's healthcare system was the cheapest, with the

establishment of iMalaysia clinics and government hospitals.

He said in Malaysia, patients needed to pay only RMI to see a general practitioner and RMS to see a specialist.

"I am willing to bet that there is no other healthcare system in the world that has a payment of RMI to see a doctor. Medication is free."

The government had also provided affordable housing, with an aim to build one million units over the next five years, including those

targeted for the youth.

Najib said under the Youth Housing Scheme, the government provided RM200 to 20,000 married youths as monthly loan repayments for the first two years, and a 50 per cent stamp duty exemption on loan agreements.

He said there were many other policies and measures introduced by the government to lessen the load, encompassing matters, such as public transportation and financial aid for young entrepreneurs.

Najib received a resolution from a representative of the 200 youth who attended the roundtable discussion. The 24-point resolution had touched on, among others, affordable housing, entrepreneurship for Gen-Y Malaysians and the enforcement of the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011.

The roundtable was organised by the Malaysian Young Thinkers Youth Organisation to find solutions on financial burdens in the country.

**KERATAN AKHBAR TEMPATAN
METRO AHAD (SETEMPAT) : MUKA SURAT 22
TARIKH: 10 MEI 2015 (AHAD)**

Pasar raya khas belia

■ Kerajaan berusaha ringankan beban rakyat

Oleh Kalidevi Mogan Kumarappa
kalidevi@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

Kerajaan mempertimbangkan cadangan mewujudkan pasar raya khas untuk usahawan muda berniaga di Bandar Belia 1Malaysia selaras dengan usaha berterusan mengurangkan beban rakyat.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak berkata, kerajaan komited mengurangkan beban rakyat dengan menambah baik beberapa dasar kerajaan mengenai kos sara hidup.

Menurutnya, kos sara hidup uralan keutamaan sesebuah keluarga dan selaras itu kerajaan memperkenalkan pelbagai kaedah yang secara langsung dan tidak langsung membantu dalam meringankan bebas kos sara hidup rakyat.

"Antara aspek yang diberi keutamaan adalah subsidi pelajaran di mana dalam pengajian tinggi, kerajaan menanggung 90 peratus kos pendidikan manakala pelajar hanya menanggung 10 peratus dan mereka juga diberikan peluang un-



NAJIB dan Rosmah bersama peserta pada majlis perasmian Sidang Meja Bulat dan Bicara Kos Sara Hidup Pemikir Muda Malaysia di UKM, semalam.

tuk meringankan bebanan 10 peratus itu dengan pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi

Nasional (PTPTN).

"Usaha itu termasuk dalam prinsip pendemokrasian pendidikan

yang bertujuan melahirkan masyarakat berintelektual tinggi yang akan membantu membangunkan

negara kelak," katanya pada ucapan perasmian Sidang Meja Bulat dan Bicara Kos Sara Hidup Pemikir Muda Malaysia di Universiti Kebsaan Malaysia (UKM) Prof Datuk Dr Noor Azlan Ghazali.

Turut hadir isteri Perdana Menteri Datuk Seri Rosmah Mansor, Presiden Pemikir Muda Malaysia Mohd Rafiq Naizamohideen dan Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Prof Datuk Dr Noor Azlan Ghazali.

Perdana Menteri berkata, beberapa resolusi dicadangkan kepada mereka melalui program dua hari berakhir semalam membabitkan 200 generasi muda daripada 30 profesion utama.

Selain itu katanya, usaha berterusan kerajaan untuk mengurangkan beban dihadapi golongan muda yang baru berkahwin juga diteruskan dengan menambah lebih banyak rumah mampu milik, meningkatkan perkhidmatan pengangkutan awam, pendidikan dan sistem kesihatan negara.

Sementara itu, Mohd Rafiq berkata, cadangan mewujudkan pasar raya khas untuk usahawan muda diusulkan dalam perbincangan khas dan Perdana Menteri memandang serius idea itu.

**KERATAN AKHBAR TEMPATAN
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 3
TARIKH: 10 MEI 2015 (AHAD)**



Najib dan Rosmah bergambar bersama sebahagian peserta pada majlis perasmian Sidang Meja Bulat dan Bicara Kos Sara Hidup di UKM, Bangi, semalam.

[FOTO KHAIRULL AZRY BIDIN/BH]

Tambah baik dasar tangani kos sara hidup

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak menegaskan yang kerajaan komited menambah baik dasar sedia ada, selain memperkenalkan dasar baharu berkaitan menangani kos sara hidup.

Perdana Menteri berkata, kerajaan juga sentiasa terbuka mendengar pandangan pelbagai pihak berhubung perkara itu.

"Menangani kos sara hidup adalah keutamaan tertinggi dalam penelitian setiap keluarga dan sebab itulah kerajaan memperkenalkan pelbagai kaedah serta cara.

"Mungkin tidak lengkap tetapi macam-macam usaha yang kita lakukan, ada diketahui, ada juga tidak diketa-

hui, ada secara langsung dan ada juga secara tidak langsung," katanya.

Beliau berucap merasmikan Sidang Meja Bulat dan Bicara Kos Sara Hidup Pemikir Muda Malaysia di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini, semalam.

Yang turut hadir, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Presiden Pemikir Muda Malaysia (PMM), Mohd Rafiq Naizamohideen dan Naib Canselor UKM, Prof Datuk Dr Noor Azlan Ghazali.

Mengambil contoh sektor pendidikan, Najib berkata, walaupun harga barang naik, namun yuran universiti tiada kenaikan.

Katanya, secara purata kerajaan menanggung 90 peratus kos pengajian tinggi di negara ini, manakala pelajar hanya membayai 10 peratus sahaja.

Lahir masyarakat berilmu

"Malah, prinsip pendemokrasi pendidikan akan diteruskan bagi melahirkan masyarakat berilmu dan berintelektual tinggi.

"Akses kepada pendidikan berkualiti tidak bergantung kepada kemampuan kewangan, sebaliknya keinginan dan kesungguhan seseorang itu untuk belajar," katanya.

Perdana Menteri turut menyentuh perkhidmatan kesi-

hatan disediakan kerajaan seperti Klinik 1Malaysia dan hospital awam yang mengenakan bayaran sangat rendah.

Dalam pada itu, Najib berkata, kerajaan akan mempertimbangkan cadangan PMM membina pasar raya khusus untuk golongan belia bermula bagi menambah pendapatan mereka.

"Cadangan itu baik kerana golongan muda dapat berniaga dengan kos yang rendah, berbanding pasar raya sedia ada," katanya.

Pada majlis itu, Perdana Menteri menerima 24 resolusi persidangan khususnya berkaitan masalah kos sara hidup dan ekonomi negara.